

Rujukan : UKM.AKA.100-1/3/4
Tarikh : 14 Ogos 2026

PEKELILING AKADEMIK BIL. 27/2026

Semua Pelajar Program Prasiswazah
Universiti Kebangsaan Malaysia

Saudara/i,

PENGESAHAN KURSUS DAN DRAF JADUAL WAKTU PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER 3 SESI AKADEMIK 2025/2026

Merujuk kepada perkara di atas, dimaklumkan bahawa Peperiksaan Akhir Semester 3 Sesi Akademik 2025/2026 akan diadakan mulai **14 hingga 20 September 2026**.

2. Semua pelajar perlu membuat pengesahan kursus dan **Draf Jadual Waktu Peperiksaan** melalui SMPWeb iaitu <https://www.ukm.my/smpweb> mulai **24 hingga 30 Ogos 2026**. Tindakan yang perlu dilakukan adalah seperti berikut:

- i) Membaca dan melengkapkan borang **AKU JANJI PELAJAR** di SMPWeb;
- ii) Menyemak dan membuat pengesahan ke atas semua kursus yang didaftarkan dan **Draf Jadual Waktu Peperiksaan** akhir bagi semester semasa. Sekiranya semua maklumat adalah tepat dan tiada percanggahan jadual peperiksaan, pelajar perlu menekan butang **“SAH”**; dan/atau
- iii) Sekiranya terdapat percanggahan jadual peperiksaan atau **tiga (3) peperiksaan dijadualkan berturut-turut dalam satu hari**, pelajar perlu menyenaraikan kursus terlibat dan memaklumkan kepada Timbalan Dekan (Prasiswazah) di fakulti masing-masing selewat-lewatnya pada **1 September 2026**.

3. Sekiranya pelajar gagal membuat pengesahan dalam tempoh yang ditetapkan, segala butiran kursus yang direkodkan dianggap betul dan lengkap.

4. Pelajar juga akan dikenakan denda lewat pengesahan masuk peperiksaan sebanyak **RM15.00**. Bayaran denda tersebut hendaklah dilakukan melalui SMPWeb mulai tarikh akses dan cetakan **Kad Masuk Jadual Peperiksaan (KMJP)** dibuka.

...2/-



Kerjasama dan perhatian semua pelajar dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,




PROFESOR MADYA DR. IRMAN BIN ABDUL RAHMAN

Pengarah

Pusat Pengurusan Akademik (AKADEMIK UKM)

- s.k. - Prof. Dato' Dr. Fariza binti Md Sham FASc
Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa)
- Dekan
Fakulti/Pusat
- Lt. Kdr. (B) TLDM Prof. Madya Dr. Lokhman Hakim bin Osman
Pengarah
Pusat Pembentukan Pendidikan Lanjutan & Profesional (UKMShape)
- Prof. Dr. Kamisah binti Osman
Pengarah
Pusat Jaminan Kualiti (Kualiti-UKM)
- Prof. Madya Dr. Zulkefli bin Mansor
Pengarah
Pusat Pengajaran dan Pembangunan Kurikulum (Pengajaran-UKM)
- Prof. Dr. Mohamad Hanif bin Md Saad
Pengarah
Pusat Teknologi Digital (DigitalUKM)
- Encik Basir bin Bahir
Timbalan Pengarah (Governans Akademik)
Pusat Pengurusan Akademik
- Encik Amiri @ Mohd Amiri bin Mustaffa
Ketua Unit Kewangan Pelajar
Jabatan Bendahari

...3/-



PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)


Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-89118284/8452/8454/8457/8458/8459/8460/8461/8388/8450/8451

E-mel: akad@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/akademik

- Ketua Pentadbiran
Fakulti/Pusat
- Yang Dipertua
Kesatuan Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia (KMUKM)

-3-



PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-89118284/8452/8454/8457/8458/8459/8460/8461/8388/8450/8451
E-mel: akad@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/akademik



MINGGU PENGESAHAN KURSUS DAN DRAF JADUAL WAKTU PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER 3 SESI AKADEMIK 2025/2026 PELAJAR PRASISWAZAH

24 OGOS 2026
HINGGA
30 OGOS 2026

